

19/02/2004

Gaji kakitangan awam lanjut pelajaran tidak selaras

Kakitangan Kecewa

KETIKA pembentangan Belanjawan 2003 oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohammad, kakitangan awam yang melanjutkan pelajaran akan mendapat gaji penuh.

Oleh itu, ramai kakitangan awam memohon melanjutkan pelajaran mereka agar untuk meningkat kualiti diri demi kesenangan masa depan.

Kenyataannya, kemudahan melanjutkan pelajaran dengan bergaji penuh hanya untuk pegawai atasan Kumpulan A (hasil perbualan dengan pegawai di JPA melalui telefon).

Kakitangan bawahan hanya berhak memperoleh separuh gaji melainkan melanjutkan pelajaran atas arahan jabatan. Sudahlah kakitangan bawahan ini bergaji kecil, gaji pula tinggal separuh.

Dengan gaji separuh itulah mereka hendak tampung belanja semasa belajar, keperluan anak dan isteri, bayar ansuran kereta, motosikal dan sebagainya.

Sebaliknya pegawai kumpulan A yang sedia maklum mewah dengan elaun mereka dan bergaji besar diberikan gaji penuh jika melanjutkan pelajaran.

Bukan niat mencabar mana-mana pihak, tetapi biarlah semua kakitangan awam dilayan sama rata dari segi peluang melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi.

Apalah salahnya kakitangan bawahan juga diberi gaji penuh sama seperti pegawai Kumpulan A kerana kami juga sama-sama memajukan sektor awam.

KAKITANGAN KECEWA.